

# Bukan buat-buat ketar

kosmo 18/04/09 ms18-19

Tiada rawatan penawar untuk penyakit Parkinson. Hanya pengambilan ubat sebanyak empat atau enam kali sehari dapat mengurangkan penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh pesakit bagi menjalani hidup dengan lebih sempurna.

Oleh **FATEN SAPHILLA**  
**MOHAMED ISA**  
rencana@kosmo.com.my

**A**PAKAH yang terlintas di fikiran anda apabila diberitahu bahawa anda menghidap penyakit Parkinson?

Maut, tua, mengeletar atau mungkin juga petinju legenda, Muhammad Ali. Hakikatnya, tidak ramai di kalangan masyarakat kita mengetahui apatah lagi memahami apakah itu sebenarnya Parkinson.

Akhirnya, masyarakat kita mempunyai stigma negatif terhadap pesakit dan penyakit ini.

Secara umumnya, penyakit Parkinson adalah masalah neuro-degeneratif yang progresif. Ia berlaku apabila pesakit mengalami gangguan pada sistem motor yang menyebabkan terjadinya simptom-simptom seperti mengeletar, pergerakan di luar kawalan, kekejangan dan kelemahan otot yang semakin teruk dari sehari ke sehari.

Symptom yang serius hanya menyerang apabila pesakit terlewat mengambil ubat dalam masa yang telah diarahkan, misalnya setiap tiga jam. Jika itu berlaku, keseluruhan badan pesakit



**PARKINSON** terus menjadi satu penyakit misteri tanpa kepastian punca dan penemuannya.

akan mengeletar (kadangkala mengeletar yang terlampau) serta tidak dapat bercakap dan bergerak dengan sempurna.

Ini lah yang terjadi kepada Steven Tung, 54. Derita yang dihadapinya bu-

kan setakat menanggung penyakit yang tiada penawar, malah dia juga terpaksa berhadapan dengan sikap masyarakat yang tidak memahami.

Justeru, tidak hairanlah apabila penyakitnya menyerang secara tiba-tiba,

beberapa individu yang berada berhampirannya akan ketawa.

"Pernah semasa di hospital ketika isteri saya pergi mengambil ubat di kaunter, dengan tiba-tiba, penyakit ini datang. Ketika itu, saya duduk di atas kerusi roda sambil tangan saya memegang tayar kerusi roda.

"Tiba-tiba badan dan tangan saya mengeletar. Saya tidak dapat mengawal pergerakan lalu kerusi roda bergerak ke pelbagai arah.

"Tetapi sedihnya, beberapa orang yang berada di situ tidak menolong, sebaliknya ketawa memandang saya.

"Mereka menganggap seolah-olah saya sengaja berbuat begitu dan mungkin melihat saya seperti manusia yang tidak normal kerana 'bermain-main' dengan kerusi roda," ceritanya dalam nada sedih.

Menyingkap kisah Steven, semuanya bermula sejak 10 tahun yang lalu. Semasa bersenam, beliau mendapati tangan kanannya tidak bergerak seiring dengan tangan kirinya. Ketika itu, dia merasakan pergerakan tangan kanan lebih lambat.

Steven yang peka dengan keganjilan dirinya bertindak segera ke hospital dan doktor mendiagnosis Steven meng-





S. PANDIRAJAN menerima bantuan sebanyak RM40,800 bagi membiayai kos pembedahan penyakit Parkinson.

◀◀ hidup penyakit Parkinson.

Keadaan Steven semakin hari semakin teruk. Dia perlu mengambil ubat setiap tiga jam. Jika terlambat, keadaannya seperti mayat hidup.

Ini diakui sendiri oleh isterinya, Choong Kye, yang menyatakan bahawa beliau perlu sentiasa berada di samping Steven.

“Pernah suatu ketika, saya sibuk menguruskan rumah. Tanpa disedari, dia terjatuh dari kerusi dan mukanya tersembam ke lantai. Puncanya, saya terlambat beri dia makan ubat yang akhirnya menyebabkan dia tidak dapat mengawal pergerakan badannya,” kata Choong Kye yang enggan wajahnya dan suami dirakamkan lensa kamera jurugambar *Kosmo!*

Sementara itu, bagi S.Pandirajan, 44, episod duka dalam hidupnya berlaku seawal usia 32 tahun ketika dia bangun dari tidur di rumahnya di Pasir Gudang, Johor.

“Semasa bangun dari tidur, separuh badan saya terasa kebas dan menggigil. Pada mulanya, saya menyangka mungkin kerana saya terlalu penat bekerja atau tersalah tidur.

“Namun, simptom-simptom tersebut berlaku setiap hari sekali gus memaksa saya ke klinik untuk mendapatkan rawatan. Doktor mendiagnosis saya menghidap penyakit Parkinson dan memberi saya ubat,” kata juruteknik penyelenggara di sebuah syarikat swasta itu ketika menceritakan detik permulaan dia mendapat Parkinson.

Entah apa silapnya, badan Pandirajan menolak ubat yang dimakan. Selepas mengambil ubat, dia akan muntah.

Rakan terdekat yang mengetahuinya telah mencadangkan kepada Pandirajan berjumpa bomoh kerana mempercayai dia terkena buatan orang.

“Pada waktu itu tentulah kita percaya dan usaha dengan apa sahaja yang diusulkan orang. Saya pergi berjumpa bomoh sehingga terpaksa berhabis se-



PESAKIT Parkinson masih boleh melakukan pelbagai aktiviti walaupun dalam pergerakan terhad.

banyak RM2,000. Namun, keadaan saya semakin teruk dan terpaksa bergantung pada kerusi roda sepanjang masa,” kata Pandirajan yang akhirnya berjumpa dengan doktor pakar bahagian neurologi bagi mendapatkan rawatan.

Setelah 10 tahun menderita Parkinson, doktor mengesahkan penyakit Pandirajan telah berada di peringkat yang teruk dan perlu melakukan pembedahan Rangsangan Otak Dalaman atau *Deep Brain Stimulation* (DBS).

Dia yang tidak lagi bekerja hanya memperoleh sumber kewangan daripada isteri yang bekerja sebagai tukang jahit dan juga ihsan daripada saudara-mara terdekat.

Sempena sambutan Hari Parkinson Sedunia 2009 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, Pandirajan menerima bantuan kos pembedahan sebanyak RM40,800.

Apa yang mengharukan Pandirajan, dia merupakan penerima sulung Tabung Amanah Lloyd Tan yang dianjurkan oleh Persatuan Parkinson Negeri Sembilan.